

UNTUK  
KAJIAN  
BIODIVERSITI  
BANDAR DI  
PUTRAJAYA



## **LAPORAN INVENTORI**

# **HIDUPAN LIAR PUTRAJAYA 2019**

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN  
NEGARA SEMENANJUNG MALAYSIA**

**MAC-MEI 2019**



## RUMUSAN

**Pengenalan** satu siri program inventori hidupan liar telah dijalankan di Putrajaya pada Mac-Mei 2019 dengan bertujuan mengemaskini profil hidupan liar untuk perancangan dan pengurusan hidupan liar di Putrajaya demi kesejahteraan dan konservasi biodiversiti bandar Putrajaya dan penduduk setempatnya.

**Methodologi** Cara pencerapan mengikut SOP dan Manual Inventori PERHILITAN: i. pemerhatian secara langsung dan tidak langsung (*sounds, signs & footprints*); ii. aktiviti pencarian aktif; iii. pemasangan perangkap mengikut sasaran kumpulan; iv. pengumpulan data sekunder melalui perbualan dengan warga setempat. Perangkap mamalia yang digunakan termasuklah *harp trap*, *mist net*, sangkar perangkap dan perangkap kamera; perangkap jaring dan sangkar perangkap bagi reptilia dan pitfall untuk amfibia.

**Hasil** Sebanyak 23 spesies mamalia, 99 spesies burung, 8 spesies reptilia dan 7 spesies katak telah direkod untuk kajian ini, di mana 12 spesies mamalia, 39 spesies burung dan 2 spesies reptilia adalah rekod baru untuk Putrajaya. Penemuan ini menjadikan senarai semak hidupan liar Putrajaya telah meningkat kepada 37 spesies untuk mamalia; 142 spesies untuk burung; 19 spesies untuk reptilia dan 14 spesies untuk katak.


**Perbincangan** Belukar di tepi jalan merupakan habitat utama bagi mamalia (55% - non-volan dan 31% - volan). Bulan April adalah musim pembiakan untuk spesies kelawar buah (Pteropodidae) di Putrajaya (mengandung – 19.0%; menyusu – 21.4%). Pemakanan hidupan liar yang mengamalkan *frugivorous* atau *omnivorous* di Putrajaya amat bergantung kepada kelapa sawit termasuk kelawar buah, burung residen dan burung hijrah pada waktu bukan musim berbuah. Penemuan kesan kelongsong peluru, jerat dan aktiviti memburu di bahagian selatan Putrajaya (Presint 5 dan 20) menunjukkan bahawa kawasan ini telah menjadi '*hot spot*' pemburuan haram bagi spesies ayam hutan.

**Highlight** penemuan secara langsung Memerang Licin, *Lutra perspicillata* di Sg Chuau, Presint 20, Wetlands Putrajaya dan kawasan Tasik, Presint 5 dan Presint 19. Kehadiran Buaya Tembaga, *Crocodylus porosus* di kawasan Putrajaya Wetlands dan Tupai Tompok *Callosciurus nigrovittatus* di Taman Botani Putrajaya.

**Kesimpulan & Cadangan** Inventori ini membolehkan profile hidupan liar Putrajaya diketahui untuk pengurusan hidupan liar dan perancangan mitigasi konflik manusia-hidupan liar. Kajian kemandirian Memerang licin di kawasan urban serta kesedaran awam dicadangkan untuk pengurusan konservasinya. Cadangan pemasangan Transmitter GSM untuk Buaya Tembaga bagi mengesan pergerakan dan kajian ekologi urban dan pengurusan demi kesejahteraan dan keharmonian biodiversity dan penduduk setempat Putrajaya.

## 1.0 PENGENALAN

Putrajaya, pada asalnya digelar sebagai Prang Besar pada 1918, telah dibangunkan sebagai pusat pentadbiran negara pada 1999. dengan gabungan kawasan ladang Estet Raja Raja Alang, Estet Galloway dan Estet Bukit Prang (Gambarajah 1.1). Bandar ini mengamalkan konsep "*Garden City*" dan terdiri daripada 20 presint dengan jumlah keluasaannya sebanyak 4,931 ha.



Gambarajah 1.1 Peta Putrajaya

Satu siri program inventori hidupan liar yang merangkumi tiga bidang utama, iaitu mamalia, burung, dan herpetofauna telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara di Putrajaya pada Mac-Apr 2019.

### 1.1 OBJEKTIF

Objektif program ini adalah untuk:


- i. mengemaskini profil hidupan liar untuk perancangan dan pengurusan hidupan liar di Putrajaya demi kesejahteraan dan konservasi biodiversiti bandar Putrajaya serta penduduk setempatnya.



## 2.0 KAEDAH

### 2.1 KAWASAN KAJIAN

Kajian mamalia dan herpetofauna telah dijalankan di bahagian selatan Putrajaya (Presint 5, 6, 17, 19, dan 20) manakala kajian burung dijalankan di Taman Botani, Taman Rimba Alam, Taman Wetlands (merujuk kepada gambarajah 2.1.1).



Gambarajah 2.1.1 Lokasi kajian di Putrajaya

### 2.2 TEMPOH KAJIAN

Tempoh kajian adalah selama tujuh hari berturut-turut pada 22-29 April 2019 untuk bidang mamalia dan herpetofauna; manakala aktiviti pemerhatian burung adalah selama 3 hari berturut-turut untuk bulan Mac, April dan Mei 2019.

### 2.3 IKLIM SETEMPAT

Iklim setempat Putrajaya sepanjang program inventori berhujan panas di mana suhu maximum 33°C dan minimum 23 °C. Kelembapan mencapai 66% pada hari siang dan malam kepada 82%.

### 2.4 VEGETASI

Taman Botani,dan Rimba Alam mempunyai taburan hijau yang terdiri daripada spesies pokok tempatan dan esotik berbanding kawasan Putrajaya Wetlands dan bahagian selatan (Presint 5, 6, 17,19 dan 20) yang kebanyakan adalah belukar atau pokok esotik untuk tujuan lanskap. Putrajaya tidak mempunyai kepelbagaian vegetasi yang tinggi kerana pada asalnya ia merupakan ladang estet kelapa sawit. Walau bagaimanapun, masih terdapat hutan kecil di pinggir-pingir bahagian selatan Putrajaya.

**Presint 5** Belukar Akasia yang kering dan berlalang di sepanjang jalan menghubungkan Presint 5-6 (Gambarajah 2.4.1);

**Presint 6** Tanah terbiar, belukar Akasia, longkang besar dan paya berhampiran dengan tasik buatan (Gambarajah 2.4.2);

**Presint 17** Belukar Mimosa di sepanjang jalan berhampiran kawasan perumahan, kawasan lalang, ladang getah dan tasik buatan (Gambarajah 2.4.3);

**Presint 19** Ladang getah, padang di sepanjang talian kuasa elektrik, belukar di sepanjang Sungai Chuau & Sungai Langat, bawah viaduct dan pembentung, padang rumput di tepi jalan (Gambarajah 2.4.4);

**Presint 20** Padang rumput, tanah terbiar, belukar Akasia dan ladang sawit (Gambarajah 2.4.5).



Gambarajah 2.4.1 Presint 5





Gambarajah 2.4.2 Presint 6



Gambarajah 2.4.3 Presint 17





Gambarajah 2.4.4 Presint 19



Gambarajah 2.4.5 Presint 20



## 2.5 PERSAMPELAN

### 2.5.1 Kajian Mamalia Kecil

**Non-volan spesies:** sebanyak 120 perangkap sangkar mamalia kecil telah dipasangkan di Presint 5-6 dan 17 secara sistematik selama enam hari berturut-turut dengan sejumlah 630 *trapnight* mengikut PERHILITAN (2010). Umpan yang digunakan adalah benih kelapa sawit yang terbakar dan roti putih. Selain itu, kaedah pemerhatian dan pengesanan tapak, cakaran dan bunyi juga digunakan untuk mencerap data mamalia non-volan. Pengecaman spesies merujuk kepada Tan (2010), PERHILITAN (2014), dan Francis (2007).

**Volan spesies:** sebanyak 4 perangkap-harp dan 5 mist net (Gambarajah 2.5.1) telah dipasangkan selama 2 hari berturut-turut di Presint 5-6, 17 dan 19 masing-masing mengikut PERHILITAN (2010). Pengecaman spesies merujuk kepada Lekagul & Mcneely (1977), Kingston et al. (2006), Francis (2007), PERHILITAN (2010) dan Tan (2010).



Gambarajah 2.5.1 Pemasangan mist net tinggi, harp trap dan perangkap sangkar

### 2.5.2 Kajian perangkap kamera

Sebanyak enam buah perangkap kamera telah dipasang di Presint 5-6, 17 dan 19 untuk mengenalpastikan kehadiran hidupan liar selama 75 hari berturut-turut atau 450 *trapnight* dari 28 April hingga 10 Julai 2019. Analisis data perangkap kamera dijalankan dengan menggunakan R.



Gambarajah 2.5.2 Pemasangan Perangkap kamera



### 2.5.3 Kajian Burung

Pemerhatian burung menggunakan binocular telah dijalankan pada bulan Mac, April dan Mei 2019 pada pertengahan bulan dengan tiga hari berturut-turut. Pengecaman spesies dikenalpasti dengan merujuk kepada Robson (2014), dan Lekagul & Round (1991).



Gambarajah 2.5.3 pemerhatian burung dengan binokular

### 2.5.4 Kajian Herpetofaun

**Amphibian & Reptilia:** sebanyak 10 unit perangkap jatuh (*pitfall*) telah dipasang di Presint 5 dan Presint 19. Pencarian aktif dibuat pada waktu siang (10:00 hingga 12:00) dan malam (19:00 hingga 22:00). Pengecaman spesies merujuk kepada Berry (1975), Tweedie (1983), Indra Nail (2010), Channing et al. (2011), Chan-ard et al. (2015) dan Norhayati (2018).



Gambarajah 2.5.4 Pemasangan perangkap jatuh dan perangkap ular

## 3.0 KEPUTUSAN

### 3.1 MAMALIA

#### 3.1.1 Komposisi spesies

Sebanyak 22 spesies mamalia dengan 183 individu yang terdiri lapan order, 12 famili telah direkod untuk kajian ini (Jadual 3.1.1 & 3.1.3) di mana 11 spesies adalah rekod baru, iaitu 9 spesies kelawar, Tupai Tompok (*Callosciurus nigrovittatus*) (Gambarajah 3.1.1) dan Cencurut Rumah (*Suncus muricus*). Kajian ini telah mengemaskini senarai mamalia Putrajaya kepada 37 spesies (Lampiran 1).

Jadual 3.1.1 Mamalia yang dicerapan dalam kajian ini

Bil.	Famili	Genus	Spesies	Relative species richness %
Chiroptera	1. Pteropodidae	4	5	20.8
	2. Vespertilionidae	4	7	33.3
Insectivora	3. Soricidae	1	1	4.2
Scandentia	4. Tupaiidae	1	1	4.2
Cetartiodactyla	5. Suidae	1	1	4.2
Carnivora.	6. Mustelidae	1	1	4.2
	7. Felidae	1	1	4.2
	8. Viverridae	1	1	4.2
	9. Cercopithecidae	1	1	4.2
Primates	10. Callosciuridae	1	2	8.3
Rodentia	11. Muridae	1	1	4.2
Jumlah		17	22	100.0

Antaranya, 16 spesies mamalia diperolehi melalui kaedah perangkap (Jadual 3.1.2), manakala lima spesies dicerap dengan pemerhatian secara langsung, iaitu Tupai Tompok, Babi Hutan (*Sus scrofa*), Musang Pulut (*Paradoxurus hermaphroditus*), Kera (*Macaca fascicularis*) dan Memerang Kulit Licin (*Lutragale perspillata*). Sebanyak empat spesies dicerap melalui pemerhatian secara tidak langsung, termasuklah Babi Hutan, Kucing Batu (*Prionailurus bengalensis*), Musang Pulut; manakala Landak Raya (*Hystrix brachyora*) direkod melalui temubual dengan warga tempatan di mana spesies ini pernah direkod dalam Inventori hidupan liar PERHILITAN pada 1994 dan 2017 di bahagian tengah Putrajaya. Susulan ini, perangkap kamera telah dipasang di kawasan tersebut untuk mengenalpasti kehadirannya. Hanya Kucing Batu dan Babi Hutan sahaja dapat dicerap melalui kaedah perangkap kamera.

Kelawar, Chiroptera merupakan kumpulan mamalia volan yang paling kerap dijumpai di bahagian selatan Putrajaya dengan 12 spesies (54.5%) dan 137 individu. Cecadu Pisang, (*Cynopterus brachyotis*), adalah spesies kelawar yang paling dominan di bahagian selatan Putrajaya (71 individu), diikuti dengan Cecadu Gua, (*Eonycteris spelaea*) dengan bilangan 26 individu dan Kelawar Rumah, (*Scotophilus kuhlii*) sebanyak 17 individu.

Tangkapan untuk mamalia non-volan adalah 30 individu yang terdiri daripada empat spesies. Tikus Belukar, *Rattus tiomanicus* merupakan spesies non-volan yang paling dominan di bahagian selatan Putrajaya dengan 73.3%, diikuti dengan Tupai Pinang, *Callosciurus notatus*, kerana kesesuaian habitatnya di selatan Putrajaya yang berjenis belukar.



**Jadual 3.1.2 Mamalia yang dicerap dalam kajian ini (tangkapan)**

	Species	Bil. individu	Relative abund.%
VOLAN	<b>Pteopodidae</b>		
	<i>Cynopterus brachyotis</i>	71	51.8
	<i>Rousettus (?) amplexicaudatus</i> (kajian masih dijalankan)	1	0.7
	<i>Eonycteris spelaea</i>	26	19.0
	<i>Macroglossus sobrinus</i>	1	0.7
	<i>Rousettus amplexicaudatus</i>	2	1.5
	<b>Vespertilionidae</b>		
	<i>Myotis ater</i>	1	0.7
	<i>Myotis muricola</i>	8	6.5
	<i>Myotis ridleyi</i>	3	2.2
	<i>Philetor (?) brachypterus</i> (kajian masih dijalankan)	1	0.7
	<i>Pipilistrellus javanicus</i>	4	2.9
	<i>Pipilistrellus tenuis</i>	1	0.7
	<i>Scotophilus kuhlii</i>	17	12.4
	<b>Jumlah</b>	<b>137</b>	<b>100.0</b>
NON-VOLAN	<b>Muridae</b>		
	<i>Rattus tiomanicus</i>	22	73.3
	<b>Callosciuridae</b>		
	<i>Callosciurus notatus</i>	4	13.3
	<b>Solicidae</b>		
	<i>Suncus murinus</i>	2	6.7
	<b>Tupaiaidae</b>		
	<i>Tupaia glis</i>	2	6.7
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100.0</b>

### 3.1.2 Taburan Spesies

Menurut Jadual 3.1.3, Presint 19 mempunyai kekayaan spesies yang paling tinggi (13 sp.) berbanding Presint 17 (11 sp.), Presint 20 (10 sp.) dan Presint 5 (8 sp.). Babi Hutan, *S. scrofa* boleh dikesan di semua kawasan kajian, begitu juga dengan Memerang Licin yang bertaburan di semua kawasan perairan kajian kecuali Presint 17. Walau bagaimana pun, bilangannya adalah tidak tinggi. Kesan Tapir, (*Tapirus indicus*). Tenggiling (*Manis javanica*) dan Musang Lamri (*Paguma larvata*) yang pernah dicerap di Prang Besar (PERHILITAN, 1994) dan Linsang (*Prionodon linsang*) di bahagian tengah Putrajaya (PERHILITAN, 2017) tidak dikesan dalam kajian ini.

Kebanyakan mamalia volan diperolehi di kawasan belukar di tepi jalan (31%) dan ladang getah Putrajaya (31%) (Carta 3.1.1) berbanding 28% di kawasa berhampiran perairan Sungai Chuau di Presint 19. Bagi spesies mamalia non-volan, 55% dicerap di kawasan belukar tepi jalan, 24% dijumpai di kawasan lapang yang terbiar. dan 21% di taman. Ini menunjukkan bahawa belukar yang menyusul sistem saluran jalan di bahagian selatan Putrajaya merupakan habitat utama bagi mamalia volan dan non-volan.


**Jadual 3.1.3: Taburan spesies mamalia dengan kaedah persampelannya**

Spesies	Kawasan kajian (Individu)						Kaedah persampelan (cerapan)					Jumlah
	P17	P19	P5	P6	P19-20	T_Bo	HT	MN	CaT	DS	InS	
<b>Pteropodidae</b>												
<i>Cynopterus brachyotis</i>	52	15			4		1	70				71
<i>Eonycteris spelaea</i>	6	3			17			26				26
<i>Macroglossus sobrinus</i>					1			1				1
<i>Rousettus amplexicaudatus</i>	1				1			2				2
<i>Rousettus (?) amplexicaudatus</i>			1					1				1
<b>Verpetilionidae</b>												
<i>Myotis ater</i>					1		1					1
<i>Myotis muricola</i>	2	1			6		9					9
<i>Myotis ridleyi</i>		3					3					3
<i>Philetor (?) brachypterus</i>	1							1				1
<i>Pipistrellus javanicus</i>		4					4					4
<i>Pipistrellus tenuis</i>		1						1				1
<i>Scotophilus kuhlii</i>	4	5			8		2	15				17
<b>Viverridae</b>												
<i>Paradoxurus hermaphroditus</i>			1			7				1	1	2
<b>Felidae</b>												
<i>Prionailurus bengalensis</i>			1								1	1
<b>Mustelidae</b>												
<i>Lutragale perspicillata</i>		3	1	1	1					6		6
<b>Suidae</b>												
<i>Sus scrofa</i>	1	1	1	1	1	1				2	4	5
<b>Callosciuridae</b>												
<i>Callosciurus nigrovittatus</i>						1				1		1
<i>Callosciurus notatus</i>		4							4			4
<b>Muridae</b>												
<i>Rattus tiomanicus</i>		14	8						22			22
<b>Solicidae</b>												
<i>Suncus murinus</i>		1	1						2			2
<b>Tupaiaidae</b>												
<i>Tupaia glis</i>	1		1							2		2
<b>JUMLAH</b>	<b>68</b>	<b>55</b>	<b>15</b>	<b>2</b>	<b>40</b>	<b>9</b>	<b>20</b>	<b>117</b>	<b>28</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>183</b>


Nota: **P** Presint; **T\_Bo** Taman Botani; **HT** Harp trap; **MN** Mist net; **CaT** Perangkap sangkar; **DS** Pemerhatian secara langsung; **InS** Pemerhatian secara tidak langsung.



### SPESES MAMALIA NON-VOLAN



### SPESES MAMALIA VOLAN



**Petunjuk**  
 bar\_la – tanah lapang  
 garden – taman  
 lawn – padang  
 op\_plriparian – ladang kelapa sawit  
 road site – belukar tepi jalan  
 rub\_pl – lading getah

Carta 3.1.1: Taburan spesies mamalia dengan jenis habitatnya



Gambarajah 3.1.1 Rodentia yang diceraap di Putrajaya. Dari kiri: Tupai Tompok (*Callosciurus nigrovittatus*), Tupai Pinang (*C. notatus*), Tikus Belukar (*Rattus tiomanicus*)



Gambarajah 3.1.2 Kelawar Buah, Pteropodidae yang diceraap di Putrajaya. Dari kiri: Cecadu Madu Bukit (*Maroglossus sobrinus*), Cecadu Besar (*Rousettus amplexicaudatus*), Cecadu Pisang (*Cynopterus brachyotis*)



**Gambarajah 3.1.3 Kelawar Serangga yang dicerap di Putrajaya. Dari kiri atas: Kelawar Daun Pasang Kecil (*Myotis ridleyi*), Kelawar Daun Pisang (*M. muricola*), Kelawar Peter (*M. ater*). Dari kiri bawah: Kelawar Telinga Pendek (*Philetor (?) brachypterus*), Kelawar Rumah (*Scotophilus kuhlii*)**



### 3.2 KAJIAN PERANGKAP KAMERA

Sebanyak enam unit perangkat kamera telah dipasang di lima lokasi iaitu di kawasan belukar Presint 5 dan 17 serta perantaraan kebun getah-hutan di Presint 19-20 selama 73 hari dengan jumlah 438 *trapnight*. Jadual 3.2.1 menunjukkan sebanyak Sembilan spesies hidupan liar termasuk tujuh spesies mamalia dan dua spesies burung serta dua spesies haiwan domestik, iaitu lembu dan anjing liar telah dikesan dengan jumlah 277 cerapan. Selain tu, sebanyak 24 cerapan aktiviti manusia termasuk pejalan kaki dan bermotosikal di kawasan survei.

Babi Hutan (*Sus scrofa*) mempunyai cerapan yang tertinggi, diikuti dengan Kera (*Macaca fascicularis*) dengan 74 cerapan di mana kedua-dua spesies ini direkod di ketiga-tiga Presint. Hasil perangkat kamera menunjukkan bahawa kebanyakan taburan kedua-dua spesies masih di kawasan hijau di Presint 5 dan 19. Walau bagaimanapun, pola dan populasi spesies ini perlu dipantau dan habitat sediaada pastikan dipelihara bagi menampung penggunaan habitat dan ruangan serta sebagai buffer untuk mengelakkan konflik manusia-hidupan liar.

Manakala Kucing Batu (*Prionailurus bengalensis*) dan Musang Pandan (*Viverra zibetha*) hanya direkod masing-masing di kawasan Presint 5 dan Presint 19. Kehadiran Landak Raya (*Hyrix brachyura*) dan Ayam Hutan (*Gallus gallus*) agak biasa di bahagian selatan Putrajaya kecuali di Presint 17 yang merupakan kawasan perumahan resident.

**Jadual 3.2.1: Hasil cerapan perangkat kamera di Bahagian Selatan Putrajaya**

Lokasi (ketinggian)	P5	P5	P17	P17	P19	P19	JUMLAH
Spesies	(32m)	(32m)	(70m)	(62m)	(44m)	(92m)	
<i>Sus scrofa</i>	28	7	0	10	15	66	126
<i>Prionailurus bengalensis</i>	1	0	0	0	0	0	1
<i>Viverra hermaphroditus</i>	0	0	0	0	0	1	1
<i>Tupaia glis</i>	0	0	0	0	13	0	13
<i>Hyrix brachyura</i>	1	0	0	0	1	5	7
<i>Macaca nemestrina</i>	0	0	0	0	1	0	1
<i>Macaca fascicularis</i>	2	0	10	5	25	32	74
<i>Gallus gallus</i>	2	0	0	0	11	9	22
<i>Columba livia</i>	0	0	0	0	1	0	1
<i>Bos Taurus</i> (Cattle)	0	0	0	0	0	28	28
<i>Canis familiaris</i> (Domestic dog)	0	0	1	0	0	2	3
Manusia	2	0	0	0	0	0	2
Motosikal & manusia	0	0	0	0	0	22	22



**Gambarajah 3.1.4 Cerapan perangkap kamera.**

**Dari kiri atas: Kucing Batu (*Prionailurus bengalensis*), Tupai Muncung Tanah (*Tupaia glis*), Landak Raya (*Hystrix brachyura*), Babi Hutan(*Sus scrofa*);  
 Dari kiri bawah: Musang Pandan (*Viverra hermaphraditus*), Kera (*Macaca fascicularis*), Anjing liar (*Canis familiaris*), Ayam Hutan (*Gallus gallus*)**



### 3.3 AVIFAUNA

#### 3.3.1 Komposisi spesies

Sebanyak 99 spesies avifauna yang terdiri daripada 13 order dan 39 famili (Jadual 3.3.1) telah dicerap dalam tempoh Mac-Mei 2019, di mana burung pengicau, order Passeriformes adalah dominan di Putrajaya (45.5%). Walau bagaimanapun, famili Ardeidae, (bangau dan puchong) yang mencatatkan kekayaan spesies tertinggi dengan rekod sembilan spesies, diikuti dengan famili Columbidae, kumpulan punai dan pergam (tujuh spesies) dan famili Cuculidae, kumpulan sewah dan cenuk (6 spesies). Hasil cerapan adalah seperti tersenarai dalam Jadual 3.3.2. Kajian ini telah berjaya mengemaskini senarai avifauna Putrajaya kepada 142 spesies (Lampiran 1).

Menurut Carta 3.3.1(2), burung pemakan serangga adalah paling biasa dijumpai (39%) di Putrajaya, diikuti dengan burung pemakan buah (26%), pemangsa (18%) dan omnivor (12%). Yang lain-lain (5%) termasuklah burung air yang berdiet cengkerang seperti Sintar (*Gallirallus striatus*) dan Pangling (*Porphyrio porphyrio*), dan pemakan madu, Kelicap Nibong (*Nectarinia sperata*). Sifat-sifat pemakanan ini telah mempengaruhi taburan avifauna di Putrajaya berdasarkan ketersediaan makanan (*food availability*) dan musim seperti dipaparkan dalam Carta 3.3.1(1).

#### 3.3.2 Taburan spesies

Sebanyak tiga lokasi telah dipilih untuk mencerap avifauna di mana habitatnya adalah terdiri persekitaran berlainan:

- i. Taman Botani – arboretum yang berkoleksi tumbuhan herba, paku-pakis, palma, pemanjat dan hiasan dari tempatan dan exotik
- ii. Putrajaya Wetland – kawasan berair, lapang dan kebanyakan vegetasi adalah tumbuhan paya dan aquatik
- iii. Taman Rimba – arboretum yang berkoleksi spesies pokok tempatan sahaja

Putrajaya Wetland mencatatkan kekayaan spesies tertinggi dengan rekod 82 spesies berbanding Taman Botani (74 spesies) dan Rimba Alam (71 spesies) seperti ditunjukkan di Jadual 3.5. Walau bagaimanapun, bukan semua spesies avifauna dapat diperhatikan dalam satu waktu ketika di mana rekod pemerhatian bulanan adalah dalam lingkungan 45-65 spesies dari Mac hingga Mei 2019 (Carta 3.3.1(3)). Perubahan taburan avifauna di Rimba Alam paling ketara berbanding kawasan kajian lain.

Cerapan spesies avifauna mengikut kawasan kajian pada bulan Mei mencatatkan bilangan paling kurang berbanding Mac dan April (Carta 3.3.1(1)), walau bagaimanapun bulan itu telah mencatatkan bilangan spesies terbanyak di Putrajaya dengan 75 spesies berbanding Mac dan April dengan catatan 73 dan 69 spesies masing-masing. Ini disebabkan taburan atau penggunaan kawasan bagi spesies burung pada bulan Mei hanya tertumpu kepada kawasan kajian tertentu sahaja. Contohnya Pipit Pinang (*Lonchura punctulata*) yang telah direkod di semua kawasan kajian sebelum ini hanya dijumpai di Rimba Alam pada bulan Mei; begitu juga untuk Tirjup Tanah (*Lanius cristatus*) di Taman Botani.

**Jadual 3.3.1: Avifauna yang dicerap di Putrajaya dalam kajian ini**

Order	Famili	Spesies	Relative species richness %
ACCIPITRIFORMES	1. Accipitridae	5	5.1
ANSERIFORMES	2. Anatidae	1	1.0
APODIFORMES	3. Apodidae	1	1.0
CAPRIMULGIFORMES	4. Caprimulgidae	2	2.0
CHARADRIIFORMES	5. Charadriidae	1	1.0
	6. Scolopacidae	1	1.0
CICONIIFORMES	7. Ardeidae	9	9.1
	8. Ciconiidae	2	2.0
COLUMBIFORMES	9. Columbidae	7	7.1
CORACIIFORMES	10. Alcedinidae	4	4.0
	11. Coraciidae	1	1.0
	12. Meropidae	2	2.0
CUCULIFORMES	13. Cuculidae	6	6.1
GALLIFORMES	14. Phasianidae	1	1.0
	15. Turnicidae	1	1.0
GRUIFORMES	16. Rallidae	4	4.0
PASSERIFORMES	17. Acanthizidae	1	1.0
	18. Aegithinidae	1	1.0
	19. Campephagidae	1	1.0
	20. Cisticolidae	5	5.1
	21. Corvidae	2	2.0
	22. Dicaeidae	2	2.0
	23. Estrildidae	2	2.0
	24. Hirundinidae	2	2.0
	25. Laniidae	1	1.0
	26. Motacillidae	2	2.0
	27. Muscicapidae	5	5.1
	28. Nectariniidae	4	4.0
	29. Oriolidae	1	1.0
	30. Passeridae	1	1.0
	31. Phylloscopidae	1	1.0
	32. Ploceidae	1	1.0
	33. Pycnonotidae	5	5.1
	34. Rhipiduridae	1	1.0
	35. Sturnidae	5	5.1
	36. Timaliidae	1	1.0
	37. Zosteropidae	1	1.0
PICIFORMES	38. Megalaimidae	3	3.0
	39. Picidae	3	3.0
<b>JUMLAH</b>		<b>99</b>	<b>100</b>





**Carta 3.3.1: Avifauna di Putrajaya. 1. Komposisi spesies dari Mac-Mei 2019; 2. Komposisi spesies mengikut diet; 3. Taburan spesies dari Mac-Mei 2019; 4. Kekayaan spesies avifauna dari Mac-Mei 2019**

**Jadual 3.3.2: Senarai Avifauna yang dicerap di Putrajaya mengikut kawasan**

NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	NAMA INGERIS	TMN BOTANI	WETLAND	RIMBA ALAM	P17
<b>ACCIPITRIFORMES</b>						
<b>ACCIPITRIDAE</b>						
1. <i>Accipiter trivirgatus</i>	Lang Sikap	Crested Goshawk	/			
2. <i>Aviceda leuphotes</i>	Lang Baza Berjambul	Black Baza			/	
3. <i>Haliastur indus</i>	Lang Merah	Brahminy Kite	/	/		
4. <i>Pernis ptilorhynchus</i>	Lang Lebah	Oriental Honey- Buzzard/Crested Honey- buzzard			/	
5. <i>Spilornis cheela</i>	Lang Berjambul	Crested Serpent-eagle	/	/	/	
<b>ANSERIFORMES</b>						
<b>ANATIDAE</b>						
6. <i>Dendrocygna javanica</i>	Belibis	Lesser Whistling-duck/Lesser Tree duck		/		
<b>APODIFORMES</b>						
<b>APODIDAE</b>						
7. <i>Cypsiurus balasienis</i>	Layang-layang Asia	Asian Palm-swift		/	/	
<b>CAPRIMULGIFORMES</b>						
<b>CAPRIMULGIDAE</b>						
8. <i>Caprimulgus affinis</i>	Tukang Savanna	Savanna Nightjar	/	/	/	
9. <i>Caprimulgus macrurus</i>	Tukang Kubur	Large-tailed Nightjar	/	/	/	
<b>CHARADRIIFORMES</b>						
<b>CHARADRIIDAE</b>						
10. <i>Vanellus indicus</i>	Rapang Duit	Red-wattled Lapwing	/	/	/	
<b>CICONIIFORMES</b>						
<b>ARDEIDAE</b>						
11. <i>Ardea alba</i>	Bangau Besar	Great Egret/Large Egret	/			
12. <i>Ardea cinerea</i>	Pucung Seriap	Grey Heron	/	/	/	
13. <i>Ardea purpurea</i>	Pucung Serandau	Purple Heron	/	/	/	
14. <i>Bubulcus ibis</i>	Bangau Kendi	Cattle Egret	/	/	/	
15. <i>Butorides striatus</i>	Pucung Keladi	Striated Heron	/	/		
16. <i>Egretta garzetta</i>	Bangau Kecil	Little Egret	/	/	/	
17. <i>Ixobrychus sinensis</i>	Pucung Merah	Yellow Bittern/Chinese Little Bittern	/	/		
18. <i>Mesophoyx intermedia</i>	Bangau Kerbau	Intermediate Egret/Plumed Egret/Smaller Egret	/	/		
19. <i>Nycticorax nycticorax</i>	Pucung Kuak	Black-crowned Night Heron/Night Heron		/		
<b>CICONIIDAE</b>						
20. <i>Anastomus oscitans</i>	Botak Asia	Asian Openbill/Asian Open-bill Stork/Open-bill Stork	/	/		
21. <i>Mycteria leucocephala</i>	Botak Padi	Painted Stork	/	/	/	
<b>COLUMBIFORMES</b>						
<b>COLUMBIDAE</b>						
22. <i>Chalcophaps indica</i>	Punai Tanah	Green-winged Pigeon/ Emerald Dove	/	/	/	
23. <i>Columba livia</i>	Pergam Batu	Rock Pigeon	/	/	/	
24. <i>Geopelia striata</i>	Merbok Aman	Peaceful Dove/Zebra Dove	/	/	/	
25. <i>Streptopelia chinensis</i>	Merbok Balam	Spotted Dove	/	/	/	
26. <i>Treron curvirostra</i>	Punai Lengguak	Thick-billed Pigeon/Thick-billed Green Pigeon	/			
27. <i>Treron olax</i>	Punai Daun	Little Green Pigeon	/	/	/	



NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	NAMA INGERIS	TMN BOTANI	WETLAND	RIMBA ALAM	P17
28. <i>Treron vernans</i>	Punai Gading	Pink-necked Green Pigeon	/	/	/	
<b>CORACIIFORMES</b>						
<b>ALCEDINIDAE</b>						
29. <i>Halcyon smyrnensis</i>	Pekaka Belukar	White-throated Kingfisher	/	/	/	
30. <i>Todiramphus chloris</i>	Pekaka Sungai	Collared Kingfisher	/	/		
31. <i>Pelargopsis capensis</i>	Pekaka Paruh Besar	Stork-billed Kingfisher		/		
32. <i>Alcedo meninting</i>	Pekaka Bintik-bintik	Blue-eared Kingfisher		/		
<b>CORACIIDAE</b>						
33. <i>Eurystomus orientalis</i>	Tiong Batu/Tiong Belacan	Dollarbird/Asian Dollarbird	/	/		
<b>MEROPIIDAE</b>						
34. <i>Merops philippinus</i>	Berek-berek Carik Dada	Blue-tailed Bee-eater	/	/	/	
35. <i>Merops viridis</i>	Berek-berek Tadah Hujan	Blue-throated Bee-eater		/	/	
<b>CUCULIDAE</b>						
36. <i>Cacomantis merulinus</i>	Sewah Mati Anak	Plaintive Cuckoo		/		
37. <i>Cacomantis variolosus</i>	Sewah Gila	Rusty-breasted Cuckoo	/		/	
38. <i>Centropus bengalensis</i>	But-but Kecil	Lesser Coucal	/	/	/	
39. <i>Centropus sinensis</i>	But-but Carik Anak	Greater Coucal	/	/	/	
40. <i>Eudynamis scolopaceus</i>	Sewah Tahu	Common Koel/Asian Koel	/	/	/	
41. <i>Phaenicophaeus diardi</i>	Cenok Perut Hitam	Black-bellied Malkoha	/			
<b>GALLIFORMES</b>						
<b>PHASIANIDAE</b>						
42. <i>Gallus gallus</i>	Ayam Hutan	Red Junglefowl	/	/	/	
<b>TURNICIDAE</b>						
43. <i>Turnix suscitator</i>	Puyuh Tanah	Barred Buttonquail	/	/		
<b>GRUIFORMES</b>						
<b>RALLIDAE</b>						
44. <i>Amauornis phoenicurus</i>	Ruak-ruak	White-breasted Waterhen	/	/	/	
45. <i>Gallirallus striatus</i>	Sintar	Slaty-breasted Rail				/
46. <i>Porphyrio porphyrio</i>	Pangling	Purple Swamphehen/Purple Moorhen/Purple Gallinule		/		
47. <i>Rallina fasciata</i>	Sintar Kaki Merah	Red-legged Crane				/
<b>PASSERIFORMES</b>						
<b>ACANTHIZIDAE</b>						
48. <i>Gerygone sulphurea</i>	Cekup Perepat	Flyeater/Golden Bellied Gerygone	/	/		
<b>AEGITHINIDAE</b>						
49. <i>Aegithina tiphia</i>	Kunyit Kacat	Common Iora	/	/	/	
<b>CAMPEPHAGIDAE</b>						
50. <i>Lalage nigra</i>	Sewah Kapas	Pied Triller		/		
<b>CISTICOLIDAE</b>						
51. <i>Orthotomus ruficeps</i>	Perenjak Bukit	Ashy Tailorbird	/	/	/	
52. <i>Orthotomus atrogularis</i>	Perenjak Belukar	Dark-necked Tailorbird			/	
53. <i>Orthotomus sutorius</i>	Perenjak Pisang	Common Tailorbird	/	/	/	
54. <i>Prinia flaviventris</i>	Perenjak Padi	Yellow-bellied Prinia	/	/	/	
55. <i>Prinia rufescens</i>	Perenjak Sampah	Rufescent Prinia		/	/	
<b>CORVIDAE</b>						
					/	

NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	NAMA INGERIS	TMN BOTANI	WETLAND	RIMBA ALAM	P17
56. <i>Corvus macrorhynchos</i>	Gagak Paruh Besar	Large-billed Crow	/	/	/	
57. <i>Corvus splendens</i>	Gagak Rumah	House Crow	/	/	/	
<b>DICAEIDAE</b>						
58. <i>Dicaeum cruentatum</i>	Sepah Puteri Merah	Scarlet-backed Flowerpecker	/	/	/	
59. <i>Prionochilus maculatus</i>	Sepah Puteri Raja	Yellow-breasted Flowerpecker		/	/	
<b>ESTRILDIDAE</b>						
60. <i>Lonchura maja</i>	Pipit Uban	White-headed Munia		/		
61. <i>Lonchura punctulata</i>	Pipit Pinang	Scaly-breasted Munia	/	/	/	
<b>HIRUNDINIDAE</b>						
62. <i>Hirundo rustica</i>	Sualo Api	Barn Swallow	/	/	/	
63. <i>Hirundo tahitica</i>	Sualo Batu	Pacific Swallow	/	/	/	
<b>LANIIDAE</b>						
64. <i>Lanius cristatus</i>	Tirjup Tanah	Brown-shrike	/	/	/	
<b>MOTACILLIDAE</b>						
65. <i>Anthus richardi</i>	Pipit Tanah	Richard's Pipit	/	/	/	
66. <i>Anthus rufulus</i>	Ciak padang	Oriental Pipit	/	/		
<b>MUSCICAPIDAE</b>						
67. <i>Copsychus saularis</i>	Murai Kampung	Oriental Magpie Robin	/	/	/	
68. <i>Ficedula elisae</i>	Sambar Belakang Hijau	Green-backed Flycatcher	/			
69. <i>Ficedula zanthopygia</i>	Sambar Tongkeng Kuning	Yellow-rumped Flycatcher	/	/		
70. <i>Muscicapa latirostris</i>	Sambar Asia	Asian Brown Flycatcher	/	/	/	
71. <i>Muscicapa sibirica</i>	Sambar Sibiria	Dark-sided Flycatcher	/	/		
<b>NECTARINIIDAE</b>						
72. <i>Anthreptes malacensis</i>	Kelicap Mayang Kelapa	Brown-throated Sunbird	/	/	/	
73. <i>Anthreptes singalensis</i>	Kelicap Belukar	Ruby-cheeked Sunbird		/	/	
74. <i>Nectarinia sperata</i>	Kelicap Nibong	Purple-throated Sunbird	/		/	
75. <i>Cinnyris jugularis</i>	Kelicap Bukit	Olive-backed Sunbird	/	/	/	
<b>ORIOLIDAE</b>						
76. <i>Oriolus chinensis</i>	Dendang Selayang	Black-naped Oriole	/	/	/	
<b>PASSERIDAE</b>						
77. <i>Passer montanus</i>	Ciak Urasia	Eurasian Tree-sparrow	/	/	/	
<b>PHYLLOSCOPIDAE</b>						
78. <i>Phylloscopus borealis</i>	Cekup Daun Artik	Arctic Warbler	/			
<b>PLOCEIDAE</b>						
79. <i>Ploceus philippinus</i>	Ciak Tempua	Baya Weaver	/	/	/	
<b>PYCNONOTIDAE</b>						
80. <i>Pycnonotus atriceps</i>	Merbah Siam	Black-headed Bulbul			/	
81. <i>Pycnonotus finlaysoni</i>	Merbah Luris Leher	Stripe-throated Bulbul	/	/	/	
82. <i>Pycnonotus goiavier</i>	Merbah Kapur	Yellow-vented Bulbul	/	/	/	
83. <i>Pycnonotus plumosus</i>	Merbah Belukar	Olive-winged Bulbul		/	/	
84. <i>Pycnonotus brunneus</i>	Merbah Mata Merah	Red-eyed Bulbul			/	
<b>RHIPIDURIDAE</b>						
85. <i>Rhipidura javanica</i>	Sambar Murai Gila	Pied Fantail	/	/	/	
<b>STURNIDAE</b>						
86. <i>Acridotheres fuscus</i>	Tiong Hutan	Jungle Myna	/	/	/	

NAMA SAINTIFIK	NAMA TEMPATAN	NAMA INGGERIS	TMN BOTANI	WETLAND	RIMBA ALAM	P17
87. <i>Acridotheres javanicus</i>	Tiong Jawa	Javan Myna	/	/	/	
88. <i>Acridotheres tristis</i>	Tiong Gembala Kerbau	Common Myna	/	/	/	
89. <i>Aplonis panayensis</i>	Perling Mata Merah	Asian Glossy Starling/Philippine Glossy Starling	/	/	/	
90. <i>Gracula religiosa</i>	Tiong Mas	Hill Myna		/	/	
<b>TIMALIIDAE</b>						
91. <i>Mixornis gularis</i>	Rimba Berjalur	Striped Tit-babbler/Pin-striped Tit-babbler			/	
<b>ZOSTEROPIDAE</b>						
92. <i>Zosterops palpebrosus</i>	Mata Putih Timur	Oriental White-Eye	/	/		
<b>PICIFORMES</b>						
<b>MEGALAIMIDAE</b>						
93. <i>Psilopogon haemacephalus</i>	Takor Tembaga	/Coppersmith Barbet	/	/	/	
94. <i>Psilopogon chrysopogon</i>	Takor Jambang Emas	Gold-whiskered Barbet	/	/	/	
95. <i>Psilopogon lineatus</i>	Takor Kukup	Lineated Barbet	/	/	/	
<b>PICIDAE</b>						
96. <i>Blythipicus rubiginosus</i>	Belatok Punggor	Maroon Woodpecker			/	
97. <i>Dinopium javanense</i>	Belatok Pinang Muda	Common Goldenback/Common Flameback	/	/		
98. <i>Micropternus brachyurus</i>	Belatok Biji Nangka	Rufous Woodpecker		/	/	
<b>SCOLOPACIDAE</b>						
99. <i>Actitis hypoleucos</i>	Kedidi Pasir	Common Sandpiper	/	/		
<b>JUMLAH</b>			<b>74</b>	<b>82</b>	<b>71</b>	





**Gambarajah 3.3.1 Burung Air di Putrajaya. Dari kiri:**

- 1. Kedidi Pasir (*Actitis hypoleucos*), Rapang Duit (*Vanellus indicus*), Ruak-ruak (*Amaurornis phoenicurus*)**
- 2. Bangau Kecil (*Egretta garzetta*), Pucung Serandau (*Ardea purpurea*), Botak Padi (*Mycteria leucocephala*)**



Gambarajah 3.3.2 Burung terrestrial di Putrajaya. Dari kiri:

1. Merbah Kapur (*Pycnonotus goiavier*), Sambar Sibiria (*Muscicapa sibirica*), Kelicap Mayang Kelapa (*Anthreptes malacensis*), Tiong Jawa (*Acridotheres javanicus*)
2. Punai Gading (*Treron vernans*), Punai Lengguak (*Treron curvirostra*), Takor Kukup (*Psilopogon lineatus*), Tukang Savanna (*Caprimulgus affinis*)

